



Peserta dan pengunjung bergambar bersama-sama pengurus universiti selepas program berakhir di UnisZA Gong Badak.

Festival cunggkil bakat pelajar

Oleh Faizatul Farihana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Nerus

Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), baru-baru ini menganjurkan Festival Budaya UnisZA 2018, bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengenali secara dekat cara dan kebudayaan masyarakat tempatan serta luar negara. Program tahunan anjuran

Pusat Pengajian Bahasa, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPU) dan Pusat Antarabangsa itu berlangsung sehari di Dewan Al Muktafi Billah Shah, UnisZA Gong Badak. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UnisZA, Prof Dr Mahadzirah Mohamad, berkata program itu mempertontonkan kebudayaan pelbagai bangsa seperti pemakanan, kesenian dan makanan. "Sepanjang program itu, mahasiswa juga dapat mengaplikasikan penggunaan bahasa asing ketika bertemu pelajar

negara luar dan pelajar yang mengambil kelas bahasa asing.

"Festival ini dapat mencunggkil bakat pelajar melalui pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti tarian, nyanyian, seni muzik, lukisan dan kraf tangan," katanya.

Tambah peruntukan

Prof Mahadzirah berkata, sempena program itu, UnisZA turut memperuntukkan sebanyak RM500 kepada setiap kelas bahasa asing untuk persiapan aktiviti. Katanya, kelas bahasa asing

itu adalah Thailand, Jepun, Vietnam, Nigeria, China dan Jordan.

"Sambutan sangat merangsangkan terhadap program ini dan pelajar sememangnya gembira mengetahui kebudayaan masyarakat lain.

"Pada masa depan, kita akan tambah peruntukan dan kelanjan tapak gerai bagi pelajar setiap kelas bahasa asing yang terbahit," katanya.

Beliau berkata, peruntukan ini juga bagi membolehkan pelajar menyediakan lebih banyak sampel makanan dan meningkatkan kesesakan pengunjung.

Pelbagai lesung antara yang dipamerkan.



Mahasiswa menunjukkan kemahiran menari tarian buluh, disamping permainan alat muzik tradisional turut dipsembahkan pada program berkenan.